

DATE: **05 APRIL 2016 (TUESDAY)**

MEDIA: **BERNAMA ONLINE – KELANTAN MASIH DIANCAM PENYAKIT TIBI**

Retrieved from: <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1232147>



Kelantan Masih Diancam Penyakit Tibi

PASIR PUTEH, 5 April (Bernama) -- Penduduk Kelantan masih diancam penyakit tibi apabila sejumlah 1,233 kes dengan 93 kematian direkodkan sepanjang tahun lepas.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Maher berkata walaupun jumlah kes penghidap penyakit itu menurun sebanyak 133 kes berbanding 1,366 kes pada 2014, kadarnya boleh meningkat kembali jika rakyat tidak mengambil peduli tentang langkah pencegahannya.

"Ini kerana terdapat 47 pesakit tibi berhenti memakan ubat sebelum disahkan sembuh oleh doktor sepanjang tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Dr Ahmad Razin berkata pesakit yang enggan mendapatkan rawatan lanjut di hospital boleh menyebabkan penyakit itu menjangkiti orang lain menerusi pelbagai kaedah terutama pernafasan ketika berada di khalayak ramai.

Pada 2014, katanya tujuh kematian dilaporkan akibat penyakit berkenaan di negeri ini.

"Lebih berisiko jika pegawai-pegawai kesihatan gagal mengesan kes-kes tibi berjangkit dalam kalangan komuniti yang tidak mendapat rawatan dengan cepat dan sempurna," katanya.

Beliau berkata penyakit itu juga boleh berjangkit menerusi pesakit HIV, kencing manis serta buah pinggang selain perokok, warga emas berumur 60 tahun ke atas dan penghuni penjara.

Katanya pesakit tibi boleh sembuh dengan sepenuhnya jika mendapat rawatan berkala dalam tempoh enam bulan.

Sementara itu, Dr Ahmad Razin mahu pegawai-pegawai kesihatan di negeri itu menjadi model gaya hidup sihat kepada masyarakat.

Antaranya melalui aktiviti bersenam, mengekalkan berat badan seimbang dan tidak merokok, katanya.